

26 NOV 1996

Parlimen-Sungai

PROJEK KUALA LUMPUR LINEAR CITY IKUT UNDANG-UNDANG

KUALA LUMPUR, 26 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed berkata projek Kuala Lumpur Linear City (KLLC) yang bernilai RM5,000 juta tidak bercanggah dengan mana-mana undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa di negara ini sekarang.

Perdana Menteri berkata projek yang diluluskan Jemaah Menteri itu tidak bercanggah dengan undang-undang rizab sungai mengikut Seksyen 62 dan Kanun Tanah Negara dan Garis Panduan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Katanya KLLC memang tidak termasuk dalam Rancangan Rangka KL 1984 tetapi ini tidak bermakna ia melanggar rancangan itu kerana rangka itu hanya berbentuk satu cadangan pembangunan yang boleh diubahsuai mengikut kehendak semasa.

Beliau menyatakan demikian dalam jawapan bertulisnya kepada Lim Guan Eng (DAP-Kota Melaka) pada persidangan Dewan Rakyat di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata tanah sungai yang terlibat dalam projek itu adalah dimiliki oleh Kerajaan yang mempunyai kuasa untuk memberi kebenaran kepada mana-mana pihak yang difikir munasabah untuk menggunakan tanah itu.

Dr Mahathir berkata sungai selama ini merupakan satu kemudahan awam yang boleh dinikmati oleh orang awam dan dalam projek KLLC kepentingan kerajaan dan orang awam telah dilindungi dalam perjanjian penswastan projek itu.

"Berdasarkan kepada perjanjian itu, orang ramai masih boleh menikmati persekitaran sungai secara bebas selepas ia dibangunkan kelak," katanya.

Kerajaan akan terus mengekalkan kuasa mutlak untuk mengawal dan menentukan segala isu bersabit dengan sungai seperti kawalan lintasan sungai, kawalan pencemaran air sungai, kuasa melebar, mendalam, melencong dan mengalih sungai.

"Dalam erti kata lain, pihak pemaju KLLC hanya dibenarkan untuk membina bangunan dan struktur seperti yang diluluskan sahaja.

"Bagi memastikan pemaju menunaikan tanggungjawab sosial, pihak syarikat perlu membina dan menyelenggara sebanyak tujuh kolam pemendapan di bahagian hulu sungai untuk sepanjang tempoh konsesi selama 99 tahun," katanya.

Beliau berkata pemaju KLLC ialah Syarikat KL LinearCity Sdn. Bhd. yang sahamnya dipegang oleh Hotel Resort Enterprise Sdn. Bhd. sebanyak 30 peratus, Ilham Ombak Sdn. Bhd. (17.5), Kamka Sdn. Bhd. (10), Champ Factor Sdn. Bhd. (19), Wasanas Sdn. Bhd. (13.5) dan Ahmad Yasminah Keluarga Sdn. Bhd. (10). -- BERNAMA

MT NMO